



CERIA...(dari kiri) Ahmad Shahir, Nor'aini, Nurul Aini dan Refaznol pada majlis Konvokesyen UPM ke-32, semalam.

# Temani suami raih kejayaan cemerlang

**S**ERDANG: Tidak mahu bersendirian ketika menyambung pengajian ke peringkat lebih tinggi, Pengurus Besar Lembaga Zakat Selangor, Ahmad Shahir Makhtar, 38, mengajak isterinya untuk bersama-sama mengikuti kursus peringkat sarjana di fakulti sama.

Ahmad Shahir berkata, isterinya, Nor'aini Sayati, 38, yang juga seorang guru bukan saja tidak keberatan memohon di fakulti sama supaya dapat menemaninya, malah menjadi pendorong kuat kepada dia untuk lebih maju dalam hidup.

Katanya yang menerima Ijazah Sarjana Pembangunan Sumber Manusia dari Fakulti Pendidikan, Univer-

siti Putra Malaysia (UPM), dia dan isteri sering bergilir-gilir menjaga empat anak mereka yang berusia antara satu hingga 11 tahun, bagi membolehkan mereka mengulang kaji pelajaran.

"Kami saling bertolak-ansur dan bekerjasama bagi memastikan berjaya menamatkan pengajian dengan keputusan cemerlang," katanya selepas menerima skrol pada Istiadat Konvokesyen UPM ke-32, di sini, semalam.

Nor'aini berkata, pada mulanya tujuan asal dia menyambung pengajian hanya untuk menemanai suami dan tidak pernah terlintas untuk mencapai keputusan cemerlang, namun tugas yang

diberikan pensyarah menjadi motivasi untuknya belajar bersungguh-sungguh.

Katanya, dia bersyukur memperoleh keputusan dengan Purata Nilai Gred Keseluruhan (PNGK) 3.80 dan ia menjadi kejayaan manis dalam hidupnya.

Sepasang lagi suami isteri yang turut meraih kejayaan, Refaznol Ahmad Tasman, 27, dan Nurul Aini Zainal Abidin, 25, melahirkan rasa gembira kerana berjaya menamatkan pengajian bersama orang tersayang.

Nurul Aini berkata, mereka mendirikan rumah tangga Mac lalu selepas berkenalan di Fakulti Ekonomi dan Pengurusan UPM pada 2004.